

K I S I A H

PEJUANG KANSER



“KASIH HINGGA KE SYURGA ”

Keletihan ekstrem dan berpanjangan yang sering dialami suami pada awalnya disangka hanya sebagai kejadian normal dalam meniti usia tua. Tambahan pula kesan penyakit diabetes yang telah lama dihidapi suami selama lebih 10 tahun sememangnya kerap mengakibatkan kelesuan yang berpanjangan.

Dr Hasidah Mohd Sidek memulakan sesi temu bual dengan menceritakan bagaimana suami beliau, AH yang didiagnosis dengan kanser kolorektum pada tahun 2013.

Selain keletihan, simptom lebih ketara dialami apabila AH mula mengadu terdapat perubahan dalam tabiat membuang air besar, bentuk fizikal najis yang tidak normal dan kehadiran darah pada najis. Malahan keadaan menjadi lebih membimbangkan apabila AH mengalami pendarahan yang banyak apabila ke tandas. Menyedari keadaan yang tidak normal yang berlaku ini, pada tanggal 31 Ogos 2013 kami bertekad untuk membuat pemeriksaan doktor bagi mendapatkan jawapan apa yang sedang berlaku pada sistem tubuh AH.

BERMULANYAN PERJALANAN KANSER

Doktor mula menjalankan pemeriksaan lanjut dengan melakukan kolonoskopi dan biopsi pada AH untuk mengenal pasti punca perubahan yang berlaku. Sehari dua selepas pemeriksaan, doktor memanggil kami bagi memaklumkan tentang keputusan hasil biopsi. Pada waktu tersebut, kami berdua tidak henti-henti berdoa kepada Allah agar

semuanya dalam keadaan baik-baik sahaja. Namun, Allah telah mencatat setiap rezeki untuk hamba-Nya, AH telah didiagnosis dengan kanser pada tahap dua. Pada waktu itu, kami sangat terkejut dan tidak pernah membayangkan kanser ini boleh berlaku kepada AH.

Kami terima berita ini dengan hati yang terbuka dan perancangan rawatan kanser mula diatur bersama pakar bedah dan pakar onkologi. Pada 5 September 2013, pembedahan dilaksanakan bagi mengeluarkan bahagian usus yang terlibat. Doktor memaklumkan untuk segera melakukan pembedahan kerana khuatir kanser akan berkembang kepada tahap yang lebih parah. Tempoh masa yang singkat menyebabkan kami tidak sempat berbincang panjang lebar dengan doktor pakar luar hospital mahupun ahli keluarga yang lain mengenai pilihan tindakan pembedahan ini.


Namun ada hikmah keputusan dibuat tanpa penglibatan kaum keluarga terdekat kerana sebarang kelewatan tindakan boleh mengakibatkan perkembangan kanser ke tahap lebih teruk.

Selesai menjalani pembedahan, AH melalui fasa radioterapi-kemoterapi yang berakhir lebih kurang setahun daripada tempoh diagnosis. Proses rawatan berjalan dengan lancar, namun ada kalanya AH mengalami kesan sampingan seperti tidak bertenaga yang berpunca daripada kurang selera makan.

Selepas selesai rawatan, AH kembali sihat dan berdikari sepenuhnya menjalankan aktiviti harian sepanjang bergelar pejuang kanser.

HATI SEORANG PENJAGA KANSER

Sepanjang tempoh tersebut, saya menjadi teman beliau pada setiap masa sama ada di wad hospital mahupun di rumah.



DR HASIDAH MOHD SIDEK

“Sebagai perantara doktor pakar dan pesakit, saya pastikan hadir di setiap janji temu di hospital”

“Salah satu cabaran utama sebagai penjaga ialah mempelajari bagaimana menjaga pesakit di rumah”

“Tidak dinafikan kekuatan dan sokongan utama bagi saya sebagai penjaga adalah keluarga tercinta”

“Libatkan ahli keluarga dalam penjagaan, jangan pikul kerja penjagaan seorang diri”

Bilangan 7 • Oktober 2024



Saya juga akan pastikan AH tidak cuai dengan janji temu doktor. Daripada segi pemakanan, tiada pantang larang asal AH makan secara bersederhana. Yang penting ialah pengambilan ubat-ubatan yang disarankan doktor. Saya setia di sisi beliau menjadi peneman dan pemberi sokongan di kala memerlukan.



Sebagai perantara doktor pakar dan pesakit, saya pastikan hadir di setiap janji temu di hospital. Berdepan dengan doktor, saya dapat mendengar luahan AH yang sebenarnya. Saya melaporkan juga kepada doktor keadaan beliau di rumah yang kadangkala sengaja disembunyikan oleh AH daripada pengetahuan doktor. Sudah pasti ini tidak disukai AH tetapi saya bertindak hanya untuk kebaikan kesihatan beliau!

Di sebalik kesetiaan bersama AH, ada juga terselit keletihan, kebimbangan dan ketakutan yang saya rasai. Ada kalanya ia sukar dibendung kerana tidak dapat dikongsi dan diluahkan kepada AH kerana tidak mahu emosi negatif mengganggu rawatan beliau.

Hanya bicara dengan Maha Pencipta yang dapat mententeramkan keresahan hati.

CABARAN SEBAGAI PENJAGA

Salah satu cabaran utama sebagai penjaga ialah mempelajari bagaimana menjaga pesakit di rumah selepas pembedahan. Umpamanya ialah pengendalian bag stoma untuk membuang sisa pemakanan dari usus semasa luka pembedahan pulih. Sering kali saya menitikkan air mata bila tidak mahir menukar bag stoma dan berlaku kebocoran. Jururawat banyak membantu dan mengajar saya cara yang betul untuk mengatasi cabaran ini.

Bagi menempiaskan perasaan rungsing dan keresahan sebagai penjaga, saya mula aktif dan mengambil bahagian dalam acara larian atau walkaton terutama yang dianjurkan berkaitan kanser atau penyakit. Dengan cara ini, saya dapat melupakan seketika kerunsingan yang dialami. Aktiviti ini saya teruskan sehingga hari ini walaupun AH tiada lagi bersama saya di dunia fana ini. Kini saya berjalan 10 km setiap hari dalam usaha menjaga kesihatan diri. Saya juga berkebun dan laman rumah kini rimbun terutamanya dengan pohon hiasan hijau. Sering saya kaitkan banyaknya pokok hijau di laman dengan tahap tekanan yang dilalui sebagai penjaga.

Tidak dinafikan kekuatan dan sokongan utama bagi saya sebagai penjaga adalah keluarga tercinta. Bertemankan 4 cahaya mata dan ibu tersayang banyak membantu saya yang pada waktu tersebut sedang berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam kesibukan saya bekerja, anak-anak dan keluargalah berganding bahu untuk menjaga suami dalam wad. Rakan-rakan karib juga sering bertanya khabar dan menziarah di hospital yang secara tidak langsung terus memberikan kekuatan kepada saya membuat yang terbaik dalam menjaga suami tercinta.

Redha Allah untuk saya ialah keredhaan daripada suami. Inilah ungkapan kata-kata yang saya pegang untuk terus kuat menjaga suami.



BERAKHIR SUDAH SAKIT INI

Sekuat mana kita berusaha dan bertahan, Allah lebih menyayangi AH. Pada 16 Mac 2019, AH menghembuskan nafas terakhir di Hospital Assunta. Pada saat itu seperti tidak percaya AH tiada lagi di sisi dan kaku lali perasaan semuanya.

Berakhir sudah tugas saya sebagai penjaganya di dunia dan bermulalah fasa hidup bersendirian tanpa suami. Pengalaman dan ilmu yang diperoleh menjaga suami ini saya memanfaatkan untuk terus menjaga ibu tersayang apabila beliau pula memerlukan penjagaan sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2021.

AKTIF BERSAMA KanWork

Dari segi keterlibatan dengan KanWork, Dr Hasidah pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Biro Sosial & Kebajikan serta Biro Pembangunan Bahan Pendidikan. Beliau juga telah mengetuai dua Program Walkaton anjuran KanWork pada tahun 2021 dan 2022 dan mempromosikan acara ini di Bernama Radio dan Putra FM.



Penglibatan aktif Dr Hasidah ini sedikit sebanyak dapat memberikan kesedaran umum tentang pentingnya peranan dan penjagaan kebajikan sebagai seorang penjaga.

Selain itu, KanWork memberikan peluang pertemuan dalam kalangan penjaga yang mempunyai pengalaman yang serupa untuk perkongsian idea, luahan rasa dan juga memberikan semangat pada dirinya. Ahli KanWork juga ada membuat lawatan ke hospital bertemu pesakit dan penjaga pesakit (caregiver).

Sebelum sesi temu bual berakhir, Dr Hasidah menitipkan pesanan untuk penjaga pesakit kanser. Kita sebagai penjaga perlu menjaga kesihatan diri sendiri kerana penjagaan pesakit merupakan cabaran berat. Sekiranya boleh, libatkan ahli keluarga dalam penjagaan, jangan pikul kerja penjagaan seorang diri. Penjaga juga memerlukan ruang masa untuk berehat supaya lebih bertenaga dan berdaya positif bila bersama pesakit.

